

ADAT DAN RITUAL KEMATIAN MASYARAKAT SULUK DI SANDAKAN MENURUT PANDANGAN SYARAK

CUSTOMS AND RITUALS OF DEATH OF THE SULUK COMMUNITY IN SANDAKAN ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE

Saifulazry Mokhtar¹
Kasoma Thia^{2*}
Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid³
Habibah Artini Ramlie⁴
Abang Mohd Razif Abang Muis⁵
Azmin Pullong⁶

¹ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

² Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia,
(E-mail: dr.asaif7782@yahoo.com.my) *

³ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: mohdtaqwudin@ums.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: habibah_artini@ums.edu.my)

⁵ UiTM Cawangan Sabah, Kampus Tawau, Malaysia,
(E-mail: azminpullong@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 5-4-2022
Revised date : 6-4-2022
Accepted date : 1-5-2022
Published date : 1-6-2022

To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A.,
Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022). Adat dan Ritual
Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut
Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social,
Economics and Development (JISED)*, 7(45), 1 - 17.

Abstrak: Masyarakat Suluk sememangnya kaya dengan adat dan ritual mereka tersendiri yang diwarisi secara turun-temurun daripada generasi mereka yang terdahulu. Adat tradisi ini meliputi beberapa aspek kehidupan harian seperti adat perkahwinan, adat ketika mengandung, adat semasa kelahiran dan juga adat kematian. Pengamalan adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan, Sabah terdiri daripada adat semasa kematian dan adat selepas kematian. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti adat dan ritual semasa kematian dan selepas kematian yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan. Selain itu, kajian ini juga melihat pengamalan adat dan ritual kematian tersebut dari kaca mata Islam sebagai satu panduan kepada masyarakat Suluk khususnya dan masyarakat lain amnya dalam pengamalan adat dan ritual yang seumpama dengannya. Kajian ini berbentuk tinjauan yang melibatkan temu bual berstruktur manakala sampel yang dipilih adalah dalam kalangan penduduk veteran serta golongan pemimpin agama yang beragama Islam di Kampung Bokara, Kampung Bahagia dan Kampung Bambang di Sandakan. Hasil kajian ini mendapati terdapat 15 bentuk adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan yang terdiri daripada lapan adat semasa berlakunya kematian dan tujuh adat yang diamalkan selepas berlakunya sesuatu kematian. Kajian turut menemui beberapa adat dan ritual yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan yang sejajar dengan ajaran Islam dan ada juga yang jelas bertentangan dengan kehendak Allah SWT. Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan

sedikit pencerahan dan perkongsian ilmu berkaitan dengan adat kematian sebenar yang dituntut oleh agama Islam.

Kata Kunci: *Adat dan ritual, kematian, masyarakat Suluk, Sandakan*

Abstract: *The Suluk community is rich in their own customs and rituals that are inherited by generations from their previous generations. This tradition covers several aspects of daily life such as wedding customs, customs during pregnancy, customs at birth and even the custom of death. The customs and rituals of the death of the Suluk community in Sandakan, Sabah consist of customs during death and customs after death. This study was carried out to identify the customs and rituals during death and posthumous practices practiced by the Suluk community in Sandakan. In addition, this study also looked at the practice of customs and death rituals from Islamic glasses as a guide to the Suluk community and other communities in general in the practice of customs and similar rituals. The study was conducted in the form of a survey that involved structured interviews while the sample was among the veterans and religious leaders who are Muslims in Kampung Bokara, Kampung Bahagia and Kampung Bambang in Sandakan. The findings of this study found that there are 15 forms of customs and rituals of death of the Suluk community in Sandakan consisting of eight customs during the occurrence of death and seven customs practiced after death. The study also found that there are several customs and rituals practiced by the Suluk community in Sandakan that are in line with the teachings of Islam, and some are clearly contrary to the will of Allah SWT. This study is expected to provide some enlightenment and sharing of knowledge in relation to the actual death customs claimed by the Islamic religion.*

Keywords: *Customs and rituals, death, Suluk community, Sandakan*

Pendahuluan

Dewasa ini, terdapat sesetengah pihak dengan lantangnya melabelkan sesuatu adat atau ritual yang lazim diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia sebagai suatu amalan bidaah, khurafat, syirik dan sebagainya. Adat dan ritual berkaitan dengan kematian yang sering dikatakan sebagai amalan bidaah adalah adat membacakan talkin untuk jenazah di perkuburan, mengadakan kenduri arwah atau kenduri tahlil, membaca surah Yaasin, al-Fatihah atau ayat-ayat suci al-Quran dan menghadihkan pahala bacaan kepada si mati, membayar fidyah untuk orang yang telah meninggal dunia yang semasa hayatnya ada meninggalkan solat dan juga adat membina binaan di atas kubur. Mereka menggunakan hujah-hujah tertentu untuk menyokong pendapat mereka ini di samping ada yang menyelar ulama-ulama lain yang tidak sependapat dengan mereka. Sungguhpun demikian, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa pada 17 Julai 2014 berhubung dengan amalan yang didakwakan sebagai bidaah seperti mengadakan kenduri arwah, fidyah solat dan membaca tahlil dan talqin untuk si mati. Telah difatwakan bahawa persoalan khilafiah adalah perkara *ijtihatiyyah* dan tidak boleh sama sekali dihukumkan bidaah kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama muktabar sejak dahulu. Selain itu, telah difatwakan juga bahawa pandangan jumbuh ulama sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara khilafiah yang boleh menggugat perpaduan umat Islam.

Manakala Jabatan Mufti Negeri Sembilan pula telah mengeluarkan fatwa sejak 14 Ogos 1997 berhubung dengan amalan membaca talqin. Telah difatwakan bahawa talqin hukumnya adalah sunat dan masa talqin dibaca adalah semasa *ihtidar* (hampir mati) atau selepas dikebumikan.

Fatwa ini melarang mana-mana orang atau kumpulan membidaahkan mana-mana orang lain yang membacakan talqin kepada jenazah dan juga melarang mana-mana orang atau kumpulan mengajarkan atau mengamalkan dan menghebahkan kepada orang lain bahawa bacaan talqin kepada jenazah adalah dilarang. Selain itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 31 Mei 2016 telah bersetuju memutuskan Sighah Fatwa Bagi Perosalan Bidaah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furuk yang membawa kesan sama seperti yang telah difatwakan di Negeri Selangor berkenaan dengan amalan mengadakan kenduri arwah dan membaca tahlil untuk si mati.

Persoalan dan perbahasan berkaitan dengan pengamalan adat dan ritual kematian dalam kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia tidaklah begitu banyak dipersoalkan. Ini kerana, rumpun Melayu yang berada di sana berada dalam kelompok yang sama di mana mereka tidak berpecah mengikut suku kaum yang berbeza. Hal ini jauh berbeza dengan masyarakat yang tinggal di Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian etnik dan suku kaum yang mereka anuti telah memperluaskan lagi adat dan ritual kematian yang diamalkan dalam suku kaum mereka. Malahan, terdapat banyak lagi adat dan ritual dalam kematian yang diamalkan semasa berlaku kematian di Sabah dan Sarawak tetapi tidak diamalkan oleh masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti adat dan ritual semasa kematian yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan serta mengaitkan adat dan ritual tersebut menurut pandangan syarak. Pengetahuan dan perbincangan berkaitan dengan adat dan ritual kematian kaum Suluk ini belum ada perbahasan *pro* dan *kontra* berhubung dengan adat dan ritual tersebut dari sudut pandangan Islam dan penghukuman sama ada ia tergolong dalam perbuatan bidaah, khurafat, syirik atau sebagainya.

Sorotan Literatur

Masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum yang dikenali sebagai Bumiputera Sabah. Salah satu daripada suku kaum yang tinggal di Sabah adalah suku Suluk. Menurut Jabatan Perangkaan Negara (2010), jumlah suku Suluk yang ada di Sabah adalah seramai 79,205 orang. Taburan tertinggi masyarakat Suluk di Sabah ialah di Sandakan iaitu seramai 22,290 orang dan disusuli dengan beberapa daerah lain seperti Kota Kinabalu iaitu seramai 11,412 orang dan Lahad Datu iaitu seramai 10,709 orang (Rashid, 2015). Keberadaan suku Suluk di Sabah adalah dipengaruhi oleh faktor sejarah. Menurut Aziz & Said (2016), Kesultanan Sulu telah berkuasa di Sabah bermula pada sekitar tahun 1662 apabila berlaku perebutan kuasa antara Sultan Mohammad Ali dengan Bendahara Abdul Mu'min di Brunei. Sultan Mohammad Ali terpaksa meminta pertolongan daripada Sultan Sulu untuk menghapuskan pemberontak yang ingin menggulingkan kuasa. Sebagai ganjarannya, Sultan Brunei memberikan separuh daripada negeri Sabah, terutamanya kawasan pantai timur Sabah kepada Sultan Sulu. Maka tidak hairanlah mengapa suku Suluk yang berasal dari Kepulauan Sulu ini boleh berada di Sabah sejak berabad lamanya.

Dalam meneliti tinjauan literatur berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan, penulis telah mengklasifikasikan tinjauan ini kepada kajian yang berkaitan dengan masyarakat Suluk, adat kematian serta kajian berkaitan dengan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam atau perkara bidaah. Menerusi kajian yang berkaitan dengan masyarakat Suluk di Sandakan, penulis menemui tiga artikel yang telah dikupas oleh sarjana. Kajian Rashid, (2015) berkaitan dengan *Kesejahteraan Sosial dalam Memartabat Komuniti Suluk: Ruang dan Cabaran* adalah berkisar kepada komuniti Suluk dalam menempatkan diri mereka sebagai sebahagian daripada komuniti sejahtera di Malaysia sebagai komuniti minoriti. Kajian beliau juga turut melihat faktor-faktor yang mendorong komuniti Suluk untuk berusaha memartabatkan komuniti mereka dalam

menikmati taraf sosial yang lebih baik serta melihat bagaimana komuniti Suluk menggerakkan taraf sosial dan kemampuan mereka bersaing dengan komuniti lain di Malaysia dengan berpaksikan kepada persoalan kesan peristiwa pencerobohan Tanduo di Lahad Datu yang jelas melahirkan sentimen tidak sihat komuniti lain kepada komuniti Suluk. Hasil dapatan kajian beliau menemukan terdapat beberapa faktor keberadaan Suluk di Lahad Datu dan cabaran mereka dalam usaha memartabat serta meningkatkan kesejahteraan hidup sebagai komuniti minoriti di Sabah khususnya selepas peristiwa Tanduo berlaku.

Kajian berkaitan *Ritual 'Palmanis' Masyarakat Suluk di Sandakan* yang dijalankan oleh Long & rakan-rakan (2018). Dalam kajian tersebut, beliau mengupas berkaitan *Ritual Palmanis* atau lebih dikenali sebagai ritual kecantikan dalaman dan luaran masih diamalkan oleh etnik Suluk di bahagian Pantai Timur Sabah, khususnya di daerah Sandakan, Sabah. Selain itu, kajian ini turut bertujuan mengupas jenis-jenis ritual *palmanis* dan fungsinya dalam masyarakat Suluk di Sandakan, Sabah. Kajian tersebut mendapati pengamalan ritual *palmanis* ini diamalkan sejak turun temurun dan diwariskan oleh nenek moyang mereka, bahkan, ritual ini juga menjadi sebahagian daripada kelangsungan hidup mereka. Kajian beliau menemui sepuluh ritual *palmanis* yang masih diamalkan oleh masyarakat Suluk iaitu *Palmanis Paiguk Bulan, Dua Lasa, Palmanis Lompat Lasa, Palmanis Pamudlai, Palmanis Kielai, Palmanis Papa, Palmanis Dua Pandang, Palmanis Yusuf, Palmanis Salam Tilik* dan *Dua Taubat Kawin*. Pengamalan ritual *palmanis* dalam kehidupan masyarakat Suluk ini memberikan gambaran bahawa elemen kepercayaan, adat dan tradisi yang ditinggalkan nenek moyang terdahulu masih mampu tumbuh, hidup dan berkembang dalam lingkungan masyarakat moden, sesuai dengan latar budaya setempat.

Kajian Mokhtar & rakan-rakan (2021a) pula melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat Suluk. Kajian ini turut melihat pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat semasa dan selepas berlakunya sesuatu kematian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua bentuk pengaruh dalam adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan iaitu adat semasa dan selepas kematian. Adat semasa berlakunya kematian termasuklah adat *panubingan* dan *balu-balu*, adat memandikan jenazah, adat *perasapan*, adat mengkafankan jenazah, adat *usungan* dan adat pengebumian. Manakala adat selepas kematian pula termasuklah adat pantang larang, adat bersedekah, adat memijak abu, adat menyediakan tempat tidur atau *kulangan*, adat *magjaga-jaga*, adat menyediakan dulang makanan, adat majlis kenduri dan adat sambutan hari kematian.

Selain itu, penulis juga melihat kajian-kajian terdahulu berkaitan adat kematian suku-suku lain di Sabah sebagai kayu ukur dalam penulisan artikel ini. Penulis menemui terdapat tujuh buah artikel yang telah dijalankan terhadap tujuh etnik yang menyentuh berkaitan dengan elemen kematian masyarakat tersebut seperti etnik Bajau Kota Belud, Bajau Omadal, Iranun, Idahan, Bisaya, Bugis dan Kedayan. Menurut Mahali (2010) dan (Yakin & Totu, 2014), berkaitan adat dan ritual kematian suku Bajau Kota Belud, terdapat beberapa adat dan ritual kematian yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah, seperti adat *balu-balu*, adat menghias *sangkap-sangkap* atau keranda, adat *pesuk*, adat *Sair Jomo Matai*, adat *bejogo*, adat *bangkai-bangkaian*, adat kenduri arwah atau *mangan bangi* dan adat *duang*. Bagi adat dan ritual kematian suku Bajau Omadal, Semporna, Ispal (2010) telah memperincikan adat-adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Omadal dalam kematian seperti adat paluan gong (*tawag-tawag*), adat *anahaddat* iaitu mengucap dua kalimah syahadah, adat *angahulami* (proses untuk membersihkan dan mewudhukan jenazah sebelum dimandikan), adat *pabangkai-*

*bangkai*an (tempat tidur si mati) dan *magbahangi* (kenduri tahlil arwah), adat *ngadjian si patai* dan adat membaca doa pada setiap awal pagi dan sebelum menjelang waktu Maghrib selama enam hari berturut-turut selepas pengebumian si mati dan ia dipanggil imam *ngipat bahangi*.

Kajian adat dan ritual kematian suku Iranun turut dijalankan oleh Mulia (2010) di dalam makalahnya yang bertajuk *Adat dan Ritual Kematian Suku Iranun Kota Belud*. Kajian beliau mendapati adat kematian suku Iranun adalah sama dengan adat kematian suku Bajau Kota Belud. Namun terdapat perbezaan dalam adat memberikan hadiah kepada individu yang membersihkan bahagian sulit jenazah yang mana akan diberikan sebetuk cincin. Terdapat juga adat mengukur ketinggian anak cucu si mati dengan kayu kecil atau buluh yang kemudiannya akan diletakkan di atas kubur si mati bertujuan agar si mati tidak mencari keluarganya. Suku kaum Iranun juga mengamalkan adat *bangkai-bangkai*an. Namun, pada hari ketiga selepas pengebumian si mati, *bangkai-bangkai*an ini akan dibersihkan untuk tujuan menolak bala dan ketika proses pembersihan dilakukan, semua orang dilarang duduk berhampiran. Kajian Setia (2010) berkaitan adat dan ritual kematian suku Idahan Lahad Datu mendapati adat kematian dalam suku Idahan adalah sama dengan adat dan ritual kematian suku Bajau Kota Belud, suku Bajau Omadal dan suku Iranun.

Bagi adat dan ritual kematian suku Bisaya di Sabah pula, adat dan ritual kematian masyarakatnya agak berbeza dari suku lain di Sabah (Lukin, 2010). Kajian beliau mendapati ritual kematian masyarakat Bisaya dilakukan lebih awal iaitu ketika seseorang itu sedang nazak. Pada masa tersebut, seluruh ahli keluarga terdekat akan dikhabarkan dan mereka akan datang berhimpun di rumah pesakit itu lalu membisikkan perkataan yang melahirkan rasa redha jika pesakit ditakdirkan untuk pergi buat selamanya. Binatang peliharaan di dalam kurungan juga akan dilepaskan agar si pesakit tidak mengalami kesukaran untuk menghembuskan nafas terakhir. Suku Bisaya juga percaya pada perkara-perkara tertentu yang disifatkan sebagai alamat bahawa akan berlakunya kematian seperti mendengar bunyi burung *uwit-uwit*, bermimpi gigi mereka patah atau kelopak mata sebelah bawah berdenyut-denyut. Ada dalam kalangan mereka yang akan berusaha untuk menolak musibah tersebut dengan cara memberikan *sedekah idup* yang terdiri dari secupak beras dan wang ringgit kepada orang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi agar mendoakan mereka terlepas daripada musibah tersebut (Lukin, 2010). Tambahan beliau lagi, semasa jenazah dikebumikan, ahli keluarga si mati juga harus menanam sekeping timah yang berukuran 2 inci bersama-sama jenazah dan menaburkan biji kacang hijau di atas kuburnya bertujuan mengelakkan si mati daripada menjadi hantu. Di dinding bilik si mati akan digantungkan *sangkut-sangkut* iaitu baki kain kafan yang akan disimpul setiap hari sehingga menjadi 40 simpulan yang menunjukkan hari ke-40 selepas kematian.

Kajian terhadap *Adat dan Ritual Kematian Suku Bugis di Sabah* turut dijalankan oleh Amat (2010). Dalam kajian beliau mendapati perbezaan paling ketara dalam adat masyarakat Bugis adalah adat mengangkat dan menurunkan jenazah yang diletakkan di atas tandu sebanyak tiga kali sebelum jenazah dibawa turun dari rumah dan adat menyembelih ayam sebelum jenazah dibawa turun dari rumah yang mana darah ayam tersebut akan dititiskan di bawah tangga dan kadang-kadang dicalitkan di tandu pengangkat jenazah. Terdapat beberapa sebab kenapa ritual ini dilakukan, antaranya adalah agar roh si mati tidak diganggu oleh makhluk lain yang berada di dalam tanah, ayam tersebut akan menjadi tunggangan si mati ke syurga dan nyawa ayam tersebut adalah ganti kepada nyawa si mati. Bagi suku Bugis, kenduri arwah yang wajib dilaksanakan adalah kenduri arwah malam ke-40. Mereka percaya pada malam tersebut roh si mati yang masih berlegar-legar di dalam rumah akan meninggalkan rumah. Oleh itu, lazimnya

keluarga si mati tidak akan tidur pada malam tersebut kerana ingin merasakan pemergian roh si mati.

Bagi masyarakat Kedayan pula, terdapat satu kajian bertajuk *Perbezaan Latar Belakang Pendidikan Agama Islam Dan Kesannya Terhadap Tanggapan Serta Keinginan Masyarakat Kedayan, Sabah Mengamalkan Amalan Tradisi* oleh Mokhtar & Sa'ari (2016). Adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat Kedayan termasuklah adat Makan Malam Tujuh yang diadakan pada tujuh malam terakhir di bulan Ramadhan, Makan 3, 7, 14, 40, 100 hari yang diadakan selepas kematian dan Makan Jumaat-jumaatan iaitu kenduri arwah yang diadakan sebanyak 3 kali pada setiap hari Jumaat selepas kenduri arwah Makan 14. Juga, adat membersihkan kubur secara gotong royong pada bulan Syaaban pada tarikh yang ditetapkan dalam kalangan kaum lelaki dalam kampung mereka di mana lazimnya diiringi dengan kenduri arwah atau Makan Arwah yang dibuat secara bergotong-royong oleh kaum wanita dalam kampung tersebut bagi mendoakan keluarga yang telah meninggal dunia.

Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan oleh penulis, adalah jelas bahawa belum ada kajian dilakukan ke atas adat dan ritual kematian dalam kalangan masyarakat Suluk khususnya di Sandakan, Sabah yang mengaitkan adat dan ritual kematian masyarakat Suluk menurut perspektif Islam. Walaupun masyarakat Suluk merupakan sebuah komuniti minoriti di Sabah, namun ia juga perlu dilihat sebagai suatu masyarakat yang sedikit sebanyak memberikan pengaruh dan budaya terhadap masyarakat sekeliling. Tidak dinafikan juga terdapat beberapa adat dan ritual kematian dalam masyarakat Suluk ini diamalkan oleh suku kaum lain di Sabah dan ia boleh disandarkan hukumnya kepada hasil kajian ini. Maka dengan itu, sangat wajarlah satu kajian berkaitan adat dan ritual kematian masyarakat Suluk perlu dijalankan bagi melihat sejauh mana adat dan ritual kematian yang diamalkan oleh masyarakat Suluk ini bertepatan dengan ajaran Islam ataupun sebaliknya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan penggunaan instrumen temu bual dan analisis kandungan. Temu bual merupakan kaedah kutipan data kualitatif yang biasa digunakan oleh pengkaji yang ingin meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Temu bual kualitatif merujuk kepada temu bual di mana pengkaji mengemukakan soalan-soalan terbuka kepada seseorang atau lebih subjek kajian, merekod jawapan mereka, membuat transkripsi dan akhirnya menganalisis data-data tersebut. Kaedah temu bual sesuai dijalankan dalam kajian ini kerana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisaan data secara kualitatif yang paling mudah (Creswell, 1994). Kaedah temu bual juga melibatkan interaksi secara bersemuka antara pengkaji dengan responden secara terus, langsung dan terarah untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman atau situasi mereka dalam menguruskan keperluan jenazah (Taylor & Bogdan 1984).

Temu bual dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur iaitu aktiviti perbualan dan soal jawab yang dijalankan secara bersemuka atau melalui telefon di mana bentuk dan kandungan soalan-soalan yang akan ditanya adalah terhad kepada suatu tajuk atau bidang tertentu sahaja. Temu bual berstruktur lebih sesuai digunakan dalam kajian ini bagi mengkaji berkaitan pengamalan adat dan ritual kematian masyarakat Suluk yang mereka lakukan dalam kehidupan seharian. Pengkaji-pengkaji kualitatif seperti Descombe (1998), Marshall & Rossman (1995) dan lain-lain berpendapat bahawa temu bual berstruktur mempunyai kekuatannya tersendiri dalam kajian kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji telah menemubual beberapa orang pengamal adat dan mereka yang terlibat secara khusus dalam

proses pengurusan jenazah di Kampung Bokara, Kampung Bahagia dan Kampung Bambangan di daerah Sandakan, Sabah bagi mengetahui adat dan ritual kematian yang ada dalam masyarakat Suluk serta sejauhmana adat tersebut diamalkan dalam kehidupan mereka.

Selain itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat dan data menerusi instrumen analisis kandungan. Pengkaji merujuk kepada bahan-bahan bertulis yang berbentuk cetakan dan digital, seperti tesis, jurnal, buku, kitab, dokumen dan laporan badan kerajaan dan bukan kerajaan, kertas kerja seminar, persidangan, prosiding dan sebagainya. Seiring dengan kecanggihan teknologi maklumat, medium internet turut digunakan bagi mendapatkan maklumat menerusi laman sesawang yang berkaitan dengan kajian. Hasil kajian berkaitan dengan adat dan ritual kematian dalam masyarakat Suluk dianalisis mengikut pandangan syarak sebagai penentu kepada proses pengekalan adat atau penolakan adat dalam kehidupan seharian.

Perbincangan

Dalam menghadapi situasi kematian, kaum Suluk di Sandakan akan mengamalkan beberapa adat dan ritual kematian mengikut pegangan dan kepercayaan nenek moyang mereka. Dalam konteks perbincangan ini, pengkaji akan menyenaraikan adat dan ritual kematian kaum Suluk di Sandakan serta pandangan syarak terhadap amalan dan kepercayaan mereka dalam ritual kematian. Berikut adalah adat dan ritual kematian kaum Suluk serta pengamalannya menurut syarak.

Adat Kematian Kaum Suluk di Sandakan serta Pengamalannya Menurut Syarak

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan, terdapat 15 adat dan ritual kematian yang masih bertapak dan diamalkan oleh masyarakat Suluk. Terdapat beberapa adat dan ritual kematian tersebut yang dilihat menyerupai dengan tuntutan dan ajaran Islam serta terdapat juga adat dan ritual yang jelas bercanggah dengan kehendak agama. Berikut adalah dapatan adat-adat dan ritual kematian dalam masyarakat Suluk di Sandakan serta kupasan adat tersebut berdasarkan pandangan syarak.

1. Adat *Panubingan*

Menurut Yunus (2021) adat *Panubingan* merupakan satu kewajiban yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga si mati atau mereka yang diwakilkan oleh keluarganya bagi memastikan jenazah berada dalam keadaan sempurna, bersih dari najis dan sendi yang lembut. Setelah jenazah berada dalam keadaan yang bersih sepenuhnya, baharulah ia dibenarkan untuk diziarahi oleh saudara mara dan dibacakan surah Yasin ke atasnya. Menurut pandangan syarak, adat *Panubingan* yang diamalkan oleh kaum Suluk ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Ini kerana setiap jenazah perlu dibersihkan terlebih dahulu dan dijaga dengan baik oleh ahli keluarga si mati sebelum jenazah itu diuruskan untuk proses seterusnya. Islam lebih menyarankan agar umatnya melakukan adat *Istirja'* terlebih dahulu apabila mendengar sesuatu berita kematian. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah (2:155-156) yang bermaksud: "*Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (iaitu) orang-orang yang apabila mereka di timpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali"*".

2. Adat *Balu-balu*

Adat *Balu-balu* dalam kaum Suluk di Sandakan merupakan satu adat bagi menguar-uarkan khabar kematian seseorang kepada masyarakat setempat (Maraki, 2020). Masyarakat Suluk mengamalkan adat *Balu-balu* ini bertujuan untuk mengumpulkan ahli keluarga bagi memberi penghormatan terakhir kepada si mati sebelum dia dikebumikan. Pada masa dahulu, masyarakat Suluk menggunakan paluan gong bagi menyebarkan berita kematian seseorang tetapi pada masa kini mereka menggunakan teknologi seperti penggunaan media sosial *WhatsApp*, telegram, *facebook*, *instagram* dan sebagainya. Apabila dilihat menurut perspektif Islam, adat *Balu-balu* ini juga bukanlah satu adat yang bertentangan dengan syariat Islam. Ini kerana Islam turut menyarankan umatnya untuk menyebarkan kematian seseorang agar sanak saudara, rakan taulan dan kenalan si mati dapat menziarahi serta mendoakan kebaikan buatnya. Dengan berpaksikan kepada kecanggihan teknologi kini, maka penyebaran berkaitan dengan kematian seseorang itu lebih mudah untuk disampaikan kepada kenalannya.

Konsep penyebaran khabar kematian seseorang ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Dari Abu Hurairah bahawa dia berkata, Rasulullah SAW telah mengumumkan kematian seorang Najashi pada hari kematiannya. Lalu baginda keluar menuju ke musolla (tempat solat) dan membentuk saf melakukan solat jenazah berjamaah dengan empat takbir”* (Sahih Bukhari No. 1268 & Sahih Muslim. No. 1580). Walau bagaimanapun, Islam melarang sama sekali orang yang hidup menceritakan keaiban dan keburukan si mati sama ada berkongsi gambar asbab kematian si mati, bercerita keburukan si mati di media sosial dan sebagainya, tetapi disarankan untuk menceritakan kebaikan, kebajikan dan pujian kepada si mati. Hal ini sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Jangan kamu doa atas diri kamu kecuali yang baik. Ini kerana para malaikat mengaminkan apa yang kamu kata. Kemudian Baginda berdoa: ‘Ya Allah, ampunkan bagi Abi Salamah, angkatlah darjatnya di kalangan orang yang mendapat petunjuk...’* (Riwayat Muslim, No. 920).

3. Adat Memandikan Jenazah

Secara keseluruhannya, adat memandikan jenazah dalam masyarakat Suluk tidak jauh bezanya dengan adat kematian dalam masyarakat Melayu. Menurut Assi, J. (2020) dan Maraki (2020), terdapat tiga perkara yang diamalkan oleh masyarakat Suluk dilihat berbeza dengan adat yang ada dalam masyarakat Islam iaitu upah memandikan jenazah, penggunaan air lubi dan Air Sembilan. Dalam masyarakat Suluk upah bagi mereka yang memandikan jenazah adalah sebetuk cincin emas sama ada ia kepunyaan si mati atau ahli keluarganya. Menurut Maraki (2020) adat ini diamalkan kerana ia simbolik kepada pentingnya memandikan jenazah dengan sempurna untuk berhadapan dengan Allah SWT. Selain itu, masyarakat Suluk juga menggunakan air lubi dalam proses memandikan jenazah. Air lubi ini adalah air santan kelapa yang digunakan untuk menanggalkan daki-daki yang terdapat pada tubuh badan jenazah khususnya di celah-celah rambut, kulit kepala, dan seluruh anggota badan si mati (Assi, J., 2020). Setelah jenazah selesai dimandikan dengan air lubi, proses memandikan jenazah diakhiri dengan air sembilan. Masyarakat Suluk di Sandakan menamakan proses memandikan jenazah ini dengan air sembilan kerana jenazah tersebut akan dimandikan dengan sembilan kali gayung air mutlak sebagai simbolik mandi wajib bagi memastikan jenazah tersebut sudah bersih sepenuhnya.

Menurut syarak, adat memandikan jenazah dalam kaum Suluk di Sandakan adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kaedah dan cara pelaksanaan mandi jenazah juga adalah mengikut tuntutan agama. Namun, hasil kajian menemui tiga bentuk adat yang berkaitan dengan adat memandikan jenazah dalam kaum Suluk yang perlu dibincangkan secara

mendalam iaitu adat upah memandikan jenazah, penggunaan air lubi dan air sembilan. Masyarakat Suluk masih mengekalkan upah memandikan seseorang jenazah adalah sebentuk cincin emas sama ada cincin emas tersebut milik si mati ataupun bukan. Upah memandikan jenazah ini jelas bertentangan dengan tuntutan syarak kerana menguruskan jenazah adalah satu tuntutan kifayah bagi orang yang hidup terhadap orang yang meninggal dunia. Sekalipun ia merupakan suatu tanda ucapan terima kasih atas kesudian memandikan jenazah, namun upah sebentuk cincin emas itu bukanlah satu kewajiban yang perlu ditunaikan oleh ahli keluarga si mati. Sekiranya si mati adalah dalam kalangan orang yang berada, mungkin itu tidak menjadi masalah dalam memberikan upah sebentuk cincin emas tetapi jika sebaliknya ia akan menjadi beban kepada keluarga si mati.

Adat memandikan jenazah dengan menggunakan air lubi ataupun air santan pula bukanlah satu adat yang bertentangan dengan syariat Islam. Ini kerana air lubi ini adalah air santan yang bersih dan mempunyai khasiat kepada orang yang menggunakannya. Sebagai salah satu keistimewaan air santan ini adalah dapat menanggalkan daki-daki yang terdapat di seluruh badan. Namun, masyarakat Islam khususnya yang bukan berbangsa Suluk tidak menggunakan air santan ini dalam proses memandikan jenazah sebaliknya menggunakan bahan-bahan yang disarankan oleh syarak semata-mata. Menurut masyarakat Suluk di Sandakan, adat memandikan jenazah dengan menggunakan air sembilan adalah suatu kewajiban kerana ia sinonim dengan mandi wajib bagi seseorang jenazah. Istilah air sembilan ini digunakan adalah kerana jenazah tersebut akan dimandikan dengan menggunakan air dari sembilan gayung atau jirusan. Adat ini tidaklah bertentangan dengan syariat Islam sebaliknya adalah hanya penggunaan istilah semata-mata.

4. Adat Perasapan

Adat perasapan ini telah menjadi satu kelaziman dalam kehidupan masyarakat Suluk sama ada dalam upacara kematian, mahupun majlis kesyukuran (Mosum & Yussof, 2017). Suatu ketika dahulu, masyarakat Suluk menggunakan asap kemenyan dalam upacara kematian, manakala pada hari ini mereka telah menggunakan lidi setinggi sebagai pengganti kepada kemenyan tersebut (Assi, J., 2020). Tujuan adat Perasapan ini diamalkan semasa proses memandikan jenazah adalah untuk menghindarkan bau-bauan yang busuk dari jenazah, mencegah dari kehadiran lalat serta menggelakkan dari aib si mati diketahui oleh orang lain (Yunus, 2020).

Menurut perspektif Islam, adat perasapan ini bukanlah satu adat yang wajib dilakukan oleh keluarga si mati terhadap seseorang jenazah. Mungkin suatu ketika dahulu masyarakat Melayu menggunakan asap kemenyan bertujuan untuk menghalang bau-bauan yang tidak enak dari jenazah serta menghalang daripada serangga (lalat) dari menghurung jenazah tersebut. Namun, pada masa kini masyarakat Islam tidak lagi menggunakan asap ini secara total kerana proses menguruskan jenazah sentiasa disegerakan sepertimana yang disarankan oleh Islam. Persoalan di sini adalah tertumpu kepada penggunaan lidi setinggi ketika majlis tahlil arwah dan bacaan doa selamat yang diamalkan oleh masyarakat Suluk selepas kematian seseorang. Penggunaan lidi setinggi ini tidak lagi berfungsi seperti yang dinyatakan tetapi lebih kepada menyerupai amalan dan ibadah seseorang. Hal ini jelas bertentangan dengan Islam dan pengamalannya adalah tergolong dalam agama yang mereka ikuti sepertimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: *“Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka.”* (Riwayat Abu Daud, No. 4031).

5. Adat Mengkafankan Jenazah

Dalam proses mengkafankan jenazah, tidak terdapat perbezaan ketara yang diamalkan oleh masyarakat Suluk dalam landskap kehidupan mereka. Menurut Maraki (2020), perbezaan hanya terdapat pada lapisan kain kafan dimana pada lapisan pertama mereka akan memakaikan jenazah dengan sehelai baju putih dan seluar putih yang diperbuat daripada kain kafan atau kain putih, manakala lapisan kedua pula adalah lipatan kain kafan. Baju dan seluar tersebut bukanlah dijahit dengan benang tetapi sebagai simbolik sahaja dan ia jelas tidak bertentangan dengan syarak.

6. Adat *Usungan* dan Adat *Naja-naja*

Adat *Usungan* sinonim dengan adat mengusung keranda jenazah. Dalam masyarakat Suluk adat *Usungan* ini akan dilakukan oleh ahli keluarga dan saudara mara terdekat sahaja. Namun, ketika mengamalkan adat *Naja-naja* ini, usungan tersebut terlebih dahulu akan dipegang oleh saudara mara kerana adat *Naja-naja* ini akan dilakukan oleh ahli keluarga terdekat dengan si mati sahaja. Adat *Naja-naja* ini akan dilakukan ketika usungan di angkat ke bahu di hadapan rumah. Ahli keluarga dan sanak saudara terdekat akan berjalan ulang alik di bawah keranda itu sebanyak tiga kali bertujuan supaya ahli keluarga tersebut tidak terlalu sedih atas kematian si mati serta roh si mati tidak merindukan ahli keluarga yang ditinggalkan (Haron, 2020). Semasa proses membawa keranda jenazah ke tanah perkuburan, masyarakat Suluk akan mengalunkan zikir sebagai iringan sedekah kepada si mati.

Menurut perspektif Islam, adat *Naja-naja* ini jelas bertentangan dengan kehendak syarak. Masyarakat Suluk yang masih berpegang dengan adat ini hanya terdiri daripada mereka-mereka yang kuat berpegang dengan ajaran nenek moyang. Walau bagaimanapun, pada ketika ini, masyarakat Suluk tidak lagi melakukan adat ini dalam ritual kematian mereka kerana menyedari bahawa adat ini ditegah oleh ajaran Islam. Agama Islam tidak menyarankan proses mengebumikan jenazah dilambat-lambatkan apatah lagi dilakukan adat-adat yang boleh memesongkan akidah orang Islam. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Bersegeralah kalian dalam menguruskan jenazah. Sekiranya dia merupakan jenazah yang soleh, nescaya dia merupakan suatu kebaikan yang kamu hantarkan ia padanya. Namun sekiranya dia tidak soleh, maka itu suatu keburukan yang kamu pikul di atas bahu-bahu kamu*” (Hadith riwayat al-Bukhari (1315) dan Muslim (944).

7. Adat Pengebumian

Perbincangan seterusnya adalah menerusi adat pengebumian masyarakat Suluk di Sandakan. Masyarakat Suluk di Sandakan mempercayai bahawa sebelum melakukan proses menggali kubur si mati, penggali kubur perlu memberi salam kepada penghuni kubur terlebih dahulu sebelum melakukan penggalian kubur. Setelah selesai penyediaan kubur, jenazah akan dimasukkan ke dalam liang lahad. Pada masa ini, salah seorang dari hadirin akan melaungkan azan sekiranya jenazah tersebut adalah lelaki manakala laungan iqamah bagi jenazah perempuan. Menurut masyarakat Suluk, adat ini dilakukan kerana seseorang yang disambut ketika lahirnya dengan azan maka dia perlu diakhiri dengan kalimah azan juga, begitulah juga sebaliknya. Setelah selesai jenazah tersebut dikebumikan, para hadirin akan menyiramkan air yang bercampur cendana atau air bunga ke atas permukaan kubur si mati kerana mereka mempercayai bahawa jenazah tersebut berada dalam kehausan. Selain itu, masyarakat Suluk turut menggunakan kain peneduh di kubur mereka yang baharu sahaja dikebumikan mengikut kedudukan (pangkat) mereka dalam masyarakat sewaktu hidupnya. Kain peneduh adalah perca kain yang berwarna putih atau kuning yang diikat pada buluh (kebiasaannya) mengikut bilangan yang ganjil sama ada 1,3,5 atau 7. Penggunaan kain peneduh ini adalah simbolik

(golongan) kepada si mati iaitu warna putih untuk masyarakat kebanyakan kaum Suluk manakala warna kuning bagi golongan syarif (Assi, J., 2020).

Menurut pandangan syarak, adat memberi salam kepada penghuni kubur adalah sejajar dengan perintah Nabi Muhammad SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud: *“Sesungguhnya Rasulullah sallahu 'alaihi wasallam keluar (menziarahi) kuburan dan baginda akan berkata: Salam sejahtera ke atas kamu semua (para penghuni) kuburan daripada kalangan orang yang beriman. Sesungguhnya kami insya-Allah akan menyusuli kamu semua.”* (Riwayat Abu Daud (no. 3237), al-Nasa'ie (no. 150) dan Ibnu Majah (no. 4306). Selain itu, terdapat beberapa lafaz salam dan doa yang diriwayatkan di dalam hadis seperti mana yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi (t.th) dalam kitab *al-Azkar* yang berbunyi: *“Disunatkan bagi penziarah (kubur) untuk memperbanyakkan membaca al-Quran, zikir dan doa untuk ahli perkuburan tersebut, seluruh orang yang telah meninggal dunia serta kaum Muslimin keseluruhannya.”*

Perbincangan di sini adalah tertumpu kepada adat melaungkan azan dan iqamah kepada si mati ketika proses memasukan jenazah ke dalam liang lahad. Adat melaungkan azan dan iqamah ini bukanlah satu adat yang disarankan oleh Nabi Muhammad SAW dan ia merupakan satu adat yang ditokok tambah dalam masyarakat Suluk. Adat ini boleh dikategorikan sebagai amalan bidaah dalam agama Islam. Begitu juga dengan adat menyiram air yang bercampur cendana atau air bunga ke atas kuburan. Dalam Islam, sekiranya air tersebut disiram untuk tujuan menggemburkan tanah kubur tersebut, maka ia dibolehkan. Namun, dalam kefahaman masyarakat Suluk yang mengatakan tujuan air tersebut disiram kerana percaya jenazah tersebut berada dalam kehausan adalah sesuatu yang bertentangan dengan syarak dan ia perlu ditinggalkan. Bagi penggunaan kain peneduh pula, Islam tidak menyarankan meletak sesuatu di atas kubur kecuali batu nisan dan sejenis tumbuhan yang dapat mendoakan si mati. Dalam masyarakat Suluk di Sandakan, mereka telah membezakan seseorang yang telah meninggal dunia dengan pangkat yang mereka miliki sewaktu hidup di dunia. Pengklasifikasian golongan manusia biasa dengan golongan syarif ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam tidak pernah membezakan seseorang itu sewaktu mereka meninggal dunia, bahkan amalan kebajikan sahaja yang menjadi penentu kepada kedudukan seseorang. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: *“Dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kalian, tetapi Allah melihat kepada hati dan amal kalian”* (HR Muslim, No. 4651).

8. Adat Pantang Larang

Dalam masyarakat Suluk, pada hari pertama setelah berlakunya kematian seseorang dikenali sebagai *adlak kallak*. Pada ketika ini, ahli keluarga perlu menjaga pantang larang yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka dahulu. Terdapat beberapa adat pantang larang masyarakat Suluk semasa berlakunya kematian seperti dilarang melakukan kerja-kerja rumah, menyapu sampah ketika jenazah masih ada dalam rumah untuk menghormati arwah (Assi, J., 2020). Selain itu, masyarakat Suluk juga mengamalkan adat sentiasa berhati-hati memegang objek kaca kerana dikhuatiri sekiranya objek itu pecah maka orang tersebut akan menyusul si mati. Masyarakat Suluk melarang ahli keluarga yang meninggal dunia untuk makan nasi makan nasi dalam periuk kerana mereka yang melanggar adat ini mukanya akan ditumbuhi jerawat manakala bagi ahli keluarga perempuan tidak dibenarkan berdandan rambut (Assi, R., 2020) dan ahli keluarga dilarang mandi pada hari kematian kerana roh si mati akan mengajak mereka mengikutinya serta dilarang menjahit pakaian selama 40 hari (Maraki, 2020).

Menurut kaca mata Islam, terdapat beberapa adat pantang larang dalam masyarakat Suluk ini jelas bertentangan dengan kehendak syarak seperti adat larangan melakukan kerja-kerja rumah, menyapu sampah, tidak memecahkan objek kaca, makan makanan dalam periuk, larangan berdandan rambut bagi wanita, mandi pada hari kematian serta larangan menjahit pakaian selama 40 hari. Adat-adat tersebut tidak pernah di bahaskan dalam Islam dan ia merupakan adat yang direka sendiri oleh masyarakat Suluk. Namun, dalam konteks pantang larang ini Islam hanya melarang umatnya supaya tidak meratapi jenazah dan tidak bercakap kuat ketika jenazah masih berada di dalam rumah bagi menghormati jenazah. Oleh itu, sebagai seorang Muslim, kita kena berpegang teguh dengan qada dan qadar yang telah Allah SWT tentukan kepada kita serta melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala tegahan yang diwahyukan kepada umat Nabi Muhammad SAW.

9. Adat Bersedekah

Dalam masyarakat Suluk di Sandakan, mereka masih berpegang dengan adat melakukan sedekah bagi si mati. Ahli keluarga si mati akan melakukan amalan bersedekah kepada setiap individu yang telah membantu pengurusan jenazah bermula kematian sehingga selesai pengebumian. Selain dari mengharapkan balasan pahala atas sedekah yang dijalankan, ia juga adalah sebagai tanda ucapan terima kasih kerana sudi membantu dalam menguruskan jenazah. Menurut Maraki (2020), masyarakat Suluk sedaya upaya untuk melakukan amalan sedekah ini walaupun mereka dari keluarga yang kurang berada kerana mahu mengekalkan adat dan tradisi nenek moyang mereka sebelum ini. Ahli keluarga si mati juga akan memberikan sedekah berbentuk pakaian si mati yang masih baik kepada mereka yang terlibat dalam proses mengurus jenazah si mati sebagai bekalan pahala untuk si mati.

Perbuatan sedekah sangat dituntut oleh setiap manusia yang hidup di atas muka bumi. Namun, setelah seseorang itu meninggal dunia, semua amalan mereka sewaktu di dunia akan terputus melainkan tiga perkara sebagaimana yang dinyatakan oleh sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: *“Dari Abi Huhairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya”* (Muslim, *Sahih Muslim bi sharh* al-Imam Muhyiddin al-Nawawi, Kitab *wasiyyah*, jld. 11, hlm, 87). Berdasarkan kepada hadis tersebut jelas menggambarkan bahawa segala adat sedekah ini tidak akan sampai kepada si mati kerana amalan sedekah itu bukan dilakukan oleh dirinya sendiri. Namun, sesetengah pendapat mengatakan ia adalah usaha dari anak yang soleh yang ditinggalkan oleh si mati dan ia akan diambilkira oleh Allah SWT.

10. Adat Memijak Abu

Selepas selesai dari menguruskan proses pengebumian jenazah, ahli keluarga si mati akan melakukan adat memijak abu sebelum mereka masuk ke dalam rumah. Menurut Assi, J. (2020), masyarakat Suluk akan membakar sesuatu untuk mendapatkan abu sama ada membakar sabut kelapa, daun-daun kering, kayu dan sebagainya. Setelah memijak abu tersebut, baharulah mereka akan membasuh kaki mereka dengan menggunakan air. Pada masa dahulu, kebanyakan masyarakat Suluk menggunakan dapur kayu untuk memasak makanan, jadi mereka hanya menggunakan abu dari dapur tersebut sahaja dalam adat memijak abu ini (Yunus, 2021). Menurut masyarakat Suluk di Sandakan, amalan memijak abu ini diamalkan adalah kerana untuk menghindarkan ahli keluarga si mati dari gangguan anasir jahat yang mengikut mereka dari tanah perkuburan tersebut. Namun, kini masyarakat Suluk tidak lagi melakukan amalan adat memijak abu ini kerana ia jelas bercanggah dengan ajaran Islam (Yunus, 2021) dan membasuh kaki mereka dengan menggunakan air bersih sahaja.

Amalan memijak abu ini menurut syarak adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Islam tidak pernah menyatakan sama sekali tanah perkuburan itu merupakan satu tempat yang penuh dengan anasir jahat bahkan mengingati kematian itu adalah satu keperluan dalam kehidupan orang Islam. Hal ini sebagaimana yang digambarkan dalam satu hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Dari Ibnu Umar, bahawa ada seorang Ansar yang menghadap Rasulullah ketika Ibnu Umar duduk bersama baginda. “*Wahai Rasulullah, orang mukmin manakah yang paling utama?*” Baginda menjawab, “*Orang yang paling baik akhlaknya.*” Orang itu bertanya lagi, “*Mukmin manakah yang paling cerdas?*” Baginda menjawab, “*Orang yang paling banyak mengingati mati dan paling baik persiapannya menghadapi kehidupan setelah mati. Mereka itulah orang-orang yang paling cerdas.*” (HR. Ibnu Majah).

11. Adat *Kulangan* / Penyediaan Tempat Tidur

Menurut masyarakat Suluk di Sandakan, adat *kulangan* ini adalah satu bentuk penyediaan tempat tidur bagi seseorang yang telah meninggal dunia. Adat ini diamalkan adalah kerana masyarakat Suluk mempercayai bahawa seseorang yang baharu sahaja meninggal dunia rohnya akan pulang ke rumah. Dengan penyediaan *kulangan* ini, maka roh tersebut tidak akan merayau-rayau di sekitar rumah tersebut dan dia akan beristirahat ditempat *kulangan* yang disediakan. Menurut pandangan syarak, adat *kulangan* atau penyediaan tempat tidur bagi roh si mati ini adalah satu adat yang bercanggah dengan ajaran Islam. Tidak ada suatu dalil pun yang mengatakan bahawa seseorang yang telah meninggal dunia rohnya akan kembali ke rumah dan akan merayau-rayau di sekitar rumah. Menurut Saed (2003) dalam fatwanya menyebutkan, kepercayaan yang mengatakan roh akan kembali ke rumah keluarganya selama empat puluh hari merupakan amalan khurafat dan tidak mempunyai sebarang landasan sahih dalam Islam. Oleh itu, adat dan ritual ini perlulah ditinggalkan secara total kerana ia boleh merosakkan akidah seorang Muslim.

12. Adat *Magjaga-jaga*

Masyarakat Suluk turut melaksanakan adat *magjaga-jaga* ketika berlakunya suatu kematian dalam keluarganya. Adat *Magjaga-jaga* bermaksud menjaga jenazah sebelum acara pengebumian dilakukan sekiranya si mati meninggal dunia pada sebelah malam dan dijalankan selepas ritual pengebumian jenazah (Mokhtar & rakan-rakan, 2021). Adat ini diamalkan adalah kerana mengelakkan sebarang bencana yang tidak diinginkan terjadi dan pada kebiasaannya ia dilakukan sehingga tujuh hari selepas kematian seseorang. Menurut Assi, J. (2020), pengamalan adat ini juga bertujuan untuk memberi sedekah kepada si mati dengan bacaan al-Quran di tanah perkuburan mengikut tempoh masa yang ditentukan oleh keluarga si mati. Sehingga kini, adat *magjaga-jaga* ini masih kuat dipegang oleh pengamal adat suku Suluk di Sandakan.

Apabila dilihat dari perspektif Islam pula, jika seseorang Muslim itu meninggal dunia pada sebelah malam sememangnya perlu dijaga dan diurus dengan baik. Ini kerana tidak mungkin jenazah tersebut dapat diuruskan pada malam itu juga. Sebagai ahli keluarga atau saudara mara terdekat, kita perlulah menjaga jenazah tersebut dengan baik seperti membersihkan dahulu anggota badan jenazah, meletakkan minyak di setiap sendi anggota badan jenazah supaya tidak keras, mengalunkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran serta memastikan jenazah dalam keadaan baik. Saranan Islam terhadap jenazah ini hampir sama dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan cuma ia tidak perlu dilaksanakan selama tujuh hari seperti amalan masyarakat Suluk. Setelah selesai pengebumian jenazah pada keesokkan harinya, tiada lagi amalan menjaga jenazah di rumah. Adat dan ritual yang diamalkan oleh masyarakat Suluk ini adalah tidak menepati kehendak syarak sepenuhnya. Jika ada dalam kalangan ahli keluarga

yang mahu sedekahkan bacaan al-Quran kepadanya, maka ia boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja tanpa terikat dengan tujuh hari selepas kematian keluarganya.

13. Adat Menyediakan Dulang

Adat kematian seterusnya yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan adalah adat menyediakan dulang makanan. Menurut kefahaman masyarakat Suluk, apabila seseorang telah meninggal dunia, ibu bapa si mati perlulah menyediakan dulang makanan ini kerana hanya ibu bapa si mati sahaja yang mengetahui makanan kegemaran anaknya sewaktu dia hidup (Assi, R. & Maraki, 2020). Penyediaan dulang makanan ini akan diletakkan berhampiran dengan kulangan atau penyediaan tempat tidur untuk roh si mati. Setelah selesai majlis bacaan tahlil, bekas makanan yang berada di dalam dulang tersebut akan diberi dan disedekahkan kepada imam yang mengetuai bacaan tahlil tersebut. Menurut masyarakat Suluk, adat ini merupakan satu syarat wajib yang mesti dipenuhi oleh kaumnya setiap kali berlakunya kematian.

Menurut pandangan syarak, adat menyediakan dulang makanan ini adalah bertentangan dengan syariat Islam. Sekiranya ahli keluarga mahu melaksanakan majlis bacaan Yasin dan tahlil arwah, jamuan makanan yang disediakan tidaklah perlu menyamai makanan yang disukai oleh arwah. Jika niatnya untuk menyampaikan sedekah mengikut cara Islam, maka adat dan ritual ini perlulah dijauhkan kerana ia jelas melanggar citra dan kehendak Islam itu sendiri. Apatah lagi dengan menyediakan makanan kegemaran arwah serta diletakkan berhampiran dengan kulangan sudah tentu ahli keluarga mempunyai niat lain iaitu mengharapkan roh arwah dapat menjamu makanan kegemarannya ketika berada di kulangan tersebut. Tuntasnya, adat ini perlulah ditinggalkan sepenuhnya kerana ia boleh meruntuhkan akidah seseorang Muslim.

14. Adat Majlis Kenduri

Masyarakat Suluk di Sandakan turut mengamalkan adat majlis kenduri selepas berlaku sesuatu kematian. Pada kebiasaannya, masyarakat Suluk akan mengadakan majlis kenduri arwah pada hari ke 3, hari ke 7, hari ke 20, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian (Yunus, 2021). Namun, bagi masyarakat Suluk di Kampung Bambang dan Kampung Bahagia, mereka hanya mengadakan majlis kenduri arwah pada hari ke 7, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian (Assi, J. (2020) & Maraki (2020). Masyarakat Suluk berpendapat bahawa majlis kenduri tahlil ini perlu dijalankan untuk memperingatkan diri dan masyarakat Suluk terhadap kematian yang pasti akan terjadi kepada setiap makhluk yang bernyawa. Selain itu, bacaan tahlil, surah Yasin dan doa yang dipanjatkan dalam majlis kenduri tersebut juga akan disedekahkan kepada si mati agar rohnya tenang di alam kubur (Mokhtar & rakan-rakan, 2021).

Dalam Islam, adat majlis kenduri arwah ini tidak dinyatakan dan diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda. Islam hanya menyarankan agar mereka yang masih hidup perlu mendoakan si mati dengan “*Allahummaghfirlahu warhamhu waafihi wa'fuanhu*” bagi jenazah lelaki dan “*Allahummafirlaha warhamha waafihi wa'fuanha*” bagi jenazah perempuan. Namun, jika ahli keluarga si mati dalam kalangan yang berkemampuan diharuskan untuk mengadakan majlis tahlil arwah dengan menjemput kaum kerabat, sanak saudara dan jiran tetangga serta menjamu mereka dengan makanan yang termampu. Dengan cara ini juga, ahli keluarga dapat menghadihkan pahala buat si mati agar sentiasa tenang di alam kubur. Menurut Pullong (2020), amalan bacaan tahlil dan doa selamat bagi si mati mempunyai landasan yang sah dan wajar diteruskan dan ia dihukumkan sebagai perkara bidaah hasanah yang membawa hukum harus dalam Islam. Sesuatu yang perlu diketahui oleh masyarakat umum bahawa mengadakan majlis kenduri arwah itu bukanlah satu kewajipan bagi ahli keluarga si mati tetapi ia hanya sekadar mengikut kemampuan ahli keluarga sahaja.

Selain itu, amalan yang boleh dilakukan oleh ahli keluarga atau sanak saudara si mati sebagai sumbangan orang yang masih hidup kepada mereka yang telah meninggal dunia adalah doa dan istighfar. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 10 yang bermaksud: *“Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat-Mu”*.

15. Adat Sambutan Hari Kematian

Menurut Yunus (2021) adat sambutan hari kematian ini turut dikenali sebagai kenduri tahlil dalam masyarakat lain. Menurut masyarakat Suluk di Sandakan, dalam majlis ini ahli keluarga dan kaum kerabat si mati akan menyediakan dulang bulat dengan hidangan seperti nasi kuning, ayam kampung, telur rebus, kuih penyaram dan juga lauk-lauk yang lain diletakkan dalam piring kecil disusun atas dulang tersebut. Telur rebus dan juga kuih penyaram atau juga dikenali sebagai *pannyam* dalam Suluk merupakan makanan utama yang harus disediakan. Setelah doa tahlil dibaca, ahli keluarga si mati akan menyimpan beberapa kuih penyaram untuk tujuan memberi makanan kepada arwah. Kaum Suluk turut mempunyai kepercayaan bahawa roh orang yang meninggal akan terus bersama mereka sehinggalah kenduri tujuh hari.

Menurut pandangan syarak, setiap Muslim itu perlu sentiasa mengingati kematian. Mengadakan sambutan hari kematian itu bukanlah satu cara mengingati mati yang di sarankan oleh Islam, bahkan setiap saat dan ketika perlu memikirkan kematian yang tidak tahu bila akan kunjungannya. Seperti mana yang dibincangkan sebelum ini, jika ahli keluarga tersebut mampu untuk mengadakan majlis tahlil serta menyediakan makanan kepada para hadirin yang datang ke majlis tahlil tersebut, ia sangat dialu-alukan. Namun jika ia mendatangkan masalah seperti terpaksa meminjam duit untuk mengadakan majlis tersebut makan ia ditegah. Suatu perkara yang perlu diketahui adalah memberikan makanan atau hidangan kepada arwah itu satu perbuatan syirik yang perlu dihindari oleh semua Muslim. Orang yang sudah meninggal dunia tidak mungkin akan kembali ke muka bumi dan makan makanan yang diberikan oleh ahli keluarga, sekalipun makanan tersebut merupakan makanan kegemarannya sewaktu hidup di dunia. Kepercayaan ini jelas akan memesongkan akidah umat Islam dan perlu ditinggalkan serta merta.

Kesimpulan

Dengan adanya hasil dan dapatan dari kajian ini, pengkaji berharap agar budaya bidaah-membidaah dan sesat-menyesatkan di dalam masyarakat Islam masa kini dapat dikurangkan atau dihentikan secara total. Ini kerana pertelagahan sebegini akan menyumbang kepada perpecahan ummah sedangkan ada permasalahan ummah yang lebih besar dan memerlukan tenaga dan buah fikiran seluruh muslimin untuk memperbetulkannya dengan segera seperti ancaman pluralisme dan liberalisme agama yang sudahpun menular dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Di samping itu, dapatan kajian ini akan dapat memberi panduan yang sabit tentang hukum mengamalkan sesuatu adat dan ritual masyarakat Suluk semasa kematian. Masyarakat Suluk di Sandakan mahupun di tempat lain akan dapat kepastian tentang adat dan ritual kematian yang masih boleh terus diamalkan atau yang perlu dihindarkan sepenuhnya. Oleh itu, adalah sangat penting bagi seseorang Muslim untuk memperbetulkan pemahaman masyarakat umum tentang sesuatu yang lazim namun sebenarnya haram untuk dilakukan. Adat dan ritual yang tidak bercanggah dengan akidah seperti adat panubingan, adat balu-balu, adat mengkafankan jenazah dan adat bersedekah masih boleh diteruskan oleh masyarakat Suluk

sebagai adat dalam masyarakat mereka. Namun, bagi adat-adat yang dilihat bercanggah dan tersasar dengan kehendak syarak seperti upah memandikan jenazah, adat perasapan ketika majlis tahlil arwah, adat usungan dan adat naja-naja, adat pantang larang, adat memijak abu, adat kulangan, adat menyediakan dulang makanan, adat majlis kenduri arwah dan adat sambutan hari kematian perlulah ditinggalkan. Jika masyarakat Suluk masih mahu mengekalkan adat dan ritual kematian tersebut, maka ia perlulah selaras dan sejajar dengan tuntutan syarak.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa atas kelulusan geran Skim Geran Acculturation (SGA0003-2019) bagi memudahkan kajian ini dijalankan.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

al-Imam al-Nawawi. (t.th). Kitab *al-Azkar*. hlm. 287: Dar al-Minhaj.

al-Imam al-Nawawi. (t.th). Kitab *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*. Jilid 5, hlm. 286: Maktabah al-Irsyad.

Amat, A. (2010). Adat dan Ritual Kematian Suku Bugis di Sabah dalam *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 106 – 121.

Assi, J. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 41 tahun. Kampung Bambangan, Sandakan. Temu bual, 17 Mac.

Assi, R. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 37 tahun. Kampung Bambangan, Sandakan. Temu bual, 17 Mac.

Aziz, H., & Said, S. (2016). Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan dari Perspektif Sejarah dan Perundangan (*The Claim Over Sabah by the Sultante of Sulu: A Revision from Historical and Legal Perspectives*). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid 9 Bil. 2 2016.

Creswell, J. W. 1994. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Descombe, M. 1998. *The Good Research Guide*. Buckingham: Open University Press.

Gazalba, S. (1990). Penghantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Jakarta: Pustaka.

Haron, G. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 61 tahun. Kampung Pekan 2 Semporna. Temu bual, 16 Mac.

Ispal, H. (2010). Adat Dan Ritual Kematian Suku Bajau Omadal, Semporna. *Adat Dan Ritual Kematian Di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 2 – 21.

Long, M. A., Cheang, S. C., & Zainal, S. (2018). *Ritual 'Palmanis' Masyarakat Suluk di Sandakan, Sabah*.

Lukin, S. A. (2010). Adat Dan Ritual Kematian Suku Bisaya Di Sabah. *Adat Dan Ritual Kematian Di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 84 – 104.

Mahali, S. N. (2010). Adat Dan Ritual Kematian Suku Bajau Kota Belud. *Adat Dan Ritual Kematian Di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 24 – 44.

Maraki, M. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 52 tahun. Kampung Bahagia, Sandakan. Temu bual, 16 Mac.

Marshall, C., & Rossman, G. B. (1995). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park: Sage Publication.

Mokhtar, R. A. M., & Sa'ari, C. Z. (2016). Perbezaan Latar Belakang Pendidikan Agama Islam dan Kesannya Terhadap Tanggapan Serta Keinginan Masyarakat Kedayan, Sabah

- Mengamalkan Amalan Tradisi. *The Online Journal of Islamic Education*. April 2016, Vol.4, Issue 1.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A. L. A. (2021a). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal di Sandakan, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mosum, N. & Yusoff, M.Y.M. (2017). Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau. *Jurnal Wacana Sarjana*. Jilid 1(1), Dis 2017: 1-18.
- Mulia, D. S. (2010). Adat dan Ritual Kematian Suku Iranun Kota Belud dalam *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 46 – 62.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 5/2016-1437H. Negeri Sembilan. (1997). Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991: Pemberitahuan Fatwa (Hukum Talqin Kepada Mayat). *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*. 11 September 1997.
- Pullong, A. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Rashid, M. F. (2015). Kesejahteraan Sosial dalam Memartabat Komuniti Suluk: Ruang dan Cabaran. <http://www.ums.edu.my/fksw/index.php/en/current-issue/124-kesejahteraan-sosial-dalam-memartabat-komuniti-suluk-ruang-dan-cabaran>.
- Saed, A. R. M. (2003). *Islam, Question And Answers*. Volume 1. Basic Tenet Of Faith (Part 1). London: MSA Publication Limited.
- Selangor. (2014). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003: Fatwa Menangani Persoalan Bidaah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furu'. *Warta Kerajaan Negeri Selangor* 16(67).
- Setia, J. A. (2010). Adat Dan Ritual Kematian Suku Idahan Lahad Datu. *Adat Dan Ritual Kematian Di Sabah*. Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). 2010 : 64 – 82.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meaning*. Ed.2. New York: John Wiley and Sons.
- Yakin, H. S. M., & Totu, A. (2014). Signifikasi Konsep Proxemics dan Chronemics dalam Ritual Kematian Bajau: Satu Kajian dari Perspektif Komunikasi Bukan Lisan. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. Jilid 30(2) 2014: 71 – 90.
- Yunus @ Sawabi, Hata. (2021). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 52 tahun. Taman Indah Jaya, Sandakan. Temu bual, 15 Jun.